23 OKTOBER 2017

## Wanita mati ditikam sepupu





→ JENAYAH

# Wanita mati ditikam sepupu



[FOTO IHSAN PDRM]

***Lokasi kejadian Robiatul Ain (gambar kecil) mati ditikam** di Taman Temerloh Makmur, dekat Temerloh, kelmarin.*

→ Suspek dipercayai penagih dadah sudah ditahan

**Oleh Noor Ainum Ibnu Hajar Abu Seman**
bhnews@bh.com.my

**Temerloh**

Seorang ahli perniagaan maut ditikam beberapa kali oleh sepupunya sendiri yang dipercayai penagih dadah di Taman Temerloh Makmur, dekat sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 9.20 malam itu, Robiatul Ain Mahamod, 27, dikatakan bertengkar dengan lelaki berusia 27 tahun yang menumpang di rumahnya sejak tiga bulan lalu, sebelum ditikam dengan senjata tajam pada muka dan bahu.

**Jiran dengar bunyi bising**

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, Senior Asisten Komisioner Othman Nayan, berkata jiran mangsa mendakwa mendengar bunyi bising seperti orang bergaduh dari dalam rumah wanita itu. Jiran kemudian menghubungi bapa mangsa sarjan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh.

"Bapa dan adik mangsa tiba di lokasi kejadian pada jam 9.30 malam, sebelum memecah pintu rumah kerana dikunci dari dalam.

"Sebaik masuk, mereka melihat keadaan berselerak dan mangsa terbaring di ruang tamu dengan kesan tikaman pada bahagian muka dan bahu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Othman berkata, mangsa kemudian dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAH), namun disahkan meninggal dunia pada jam 10.37 malam dan polis kini sedang menyiasat lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Ketika kejadian hanya mangsa dan suspek berada dalam rumah itu. Suspek berjaya ditahan malam kelmarin di sebuah rumah kosong, kira-kira 70 meter dari lokasi kejadian.

**Suspek ada rekod jenayah**

"Pemeriksaan di lokasi kejadian menemui pisau dan gunting yang dipercayai digunakan dalam kes berkenaan.

"Semakan polis juga mendapati suspek ada dua rekod jenayah kes penyalahgunaan dadah," katanya.

Ahli keluarga mangsa serta jiran enggan ditemui wakil media.